

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir

# 20 SENTIASA BERPEGANG KEPADA INTEGRITI YANG TINGGI MAR

## ADUAN PERLU DIBUAT DENGAN BERINTEGRITI

"Jika ada peraturan atau integriti yang tidak diikuti, kita boleh membuat aduan kepada ketua jabatan, Ombudsman atau Pejabat Perundangan. Tetapi adulah dengan berintegriti. Jangan menganiaya orang lain. Mereka yang disiasat akan merasa tertekan untuk satu tempoh masa. Kerana itu, kita juga perlu mempunyai integriti yang tinggi dalam membuat aduan dengan fakta dan bukti yang jelas," Dr. Khairul Anuar Che' Azmi, Penasihat Undang-undang



20 Mac 2017

Pusat Transformasi Insan

USM, PULAU PINANG, 20 Mac 2017 - Dalam perkongsian pada pagi ini tentang Pengaruh Integriti dan Perundangan Dalam Tata Tertib, Penasihat Undang-undang Universiti Sains malaysia (USM) Dr. Khairul Anuar Che Azmi mengingatkan peserta tentang pelbagai kes integriti dan tata tertib yang berlaku saban hari.

"Bayangkan berapa banyak masa yang dibazirkan dan kerugian kepada organisasi apabila seseorang warganya tidak menggunakan masa bekerja dengan betul yang boleh dilihat dalam konteks kewangan apatah lagi integriti," kata beliau.

Beliau menegaskan tentang kesalahan yang dilakukan oleh seseorang yang mengambil mudah tentang waktu kerjanya, melakukan tugas peribadi waktu pejabat dan hal-hal yang boleh dibuat aduan oleh rakan sekerja mahu pun ketua jabatannya apatah lagi bila dilakukan berulangkali.

"Beginu juga dengan kesan yang akan ditanggung oleh seseorang yang menerima rasuah atau hadiah yang serba salah dalam membuat keputusan tender dan projek dan akhirnya menjerat dirinya dalam kesusahan," kata Khairul Anuar lagi.

Jelasnya lagi, terdapat banyak kes yang diadukan kepada pihak Perundangan namun siapa juar yang mengadu mestilah bertanggungjawab dan mempunyai fakta yang tepat.

"Pengadu juga mestilah berintegriti dalam aduannya kerana kita tidak mahu ada yang teraniaya apatah lagi apabila seseorang itu dipanggil untuk disiasat, dia akan menghadapi tekanan yang bukan sedikit," kata beliau.

Jelas beliau, seseorang yang berintegriti ialah mereka yang tidak mengambil kesempatan melakukan sesuatu kesalahan atau perlanggaran peraturan mahu pun undang-undang walau pun tatkala tidak ada sesiapa pun melihatnya.

"Kita melakukan sesuatu dengan ikhlas, melangkaui yang sepatutnya kerana percaya ada ganjaran yang lebih besar dari Tuhan, bukan hanya majikan apatah lagi sesama manusia," kata beliau lagi.

Sesi perkongsian tersebut dianjurkan oleh Pusat Transformasi Insan USM.

Teks: Mohamad Abdullah



Share This

#### Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015